



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS PERBELANJAAN
PEMBAIKAN DAN PEMBAHARUAN ASET**

KETETAPAN UMUM NO. 6/2019

TARIKH PENERBITAN: 26 NOVEMBER 2019



**LAYANAN CUKAI KE ATAS
PERBELANJAAN PEMBAIKAN DAN
PEMBAHARUAN ASET**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2019
Tarikh Penerbitan: 26 November 2019**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2019 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN

Muka surat

1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Pengenalan	1
5.	Perbelanjaan Pembaikan dan Pembaharuan	1
6.	Kategori Perbelanjaan Pembaikan	2
7.	Ringkasan	12
8.	Penafian	12

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan layanan cukai ke atas perbelanjaan pembaikan dan pembaharuan aset daripada suatu pendapatan kasar seseorang.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 33 dan 39.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aset” termasuk bangunan, premis, loji, jentera atau lekapan yang digunakan dalam menghasilkan pendapatan kasar.
- 3.2 “Bangunan” termasuk apa-apa struktur yang didirikan di atas tanah (yang bukan merupakan loji atau jentera).

4. Pengenalan

Secara amnya, di bawah subseksyen 33(1) ACP, perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar daripada suatu punca bagi suatu tempoh asas boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar punca tersebut. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang boleh dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP ini tertakluk kepada larangan secara spesifik di bawah subseksyen 39(1) ACP.

5. Perbelanjaan Pembaikan dan Pembaharuan

Kebiasaannya, perbelanjaan pembaikan dan pembaharuan adalah dituntut sebagai potongan daripada pendapatan kasar seseorang dari punca perniagaan atau punca sewa.

Perenggan 33(1)(c) ACP membenarkan potongan ke atas perbelanjaan yang kesemua dan semata-mata dilakukan atas:

- a) pembaikan premis, loji, jentera atau lekapan yang digunakan dalam menghasilkan pendapatan kasar; atau

- b) pembaharuan, pembaikan atau pengubahan bagi apa-apa peralatan, perkakas atau barangan yang digunakan dalam menghasilkan pendapatan kasar daripada punca tersebut selain daripada peralatan, perkakas atau barangan yang mana perbelanjaan ke atasnya adalah perbelanjaan loji yang layak di bawah Jadual 3 ACP.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan membangun semula atau membina semula:

- a) apa-apa premis, bangunan, struktur atau kerja-kerja yang berjenis kekal;
- b) apa-apa loji atau jentera; atau
- c) apa-apa lekapan

tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar dalam menentukan pendapatan larasan suatu punca itu.

6. Kategori Perbelanjaan Pembaikan

Suatu perbelanjaan pembaikan boleh dibenarkan sebagai potongan jika perbelanjaan itu adalah kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP. Sekiranya perbelanjaan pembaikan itu tidak kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar, perbelanjaan tersebut tidak boleh dibenarkan sebagai potongan.

Perkataan 'pembaikan' tidak ditakrif di dalam ACP. Mengikut takrifan di dalam *The Shorter Oxford English Dictionary On Historical Principles - Third edition*, perkataan 'pembaikan' bermaksud untuk memulihkan (sesuatu perkara komposit, struktur dan lain-lain) kepada keadaan yang baik dengan memperbaharui atau mengganti bahagian yang rosak. Secara amnya, pembaikan adalah keadaan di mana sesuatu aset dikembalikan kepada keadaan yang asal dengan memperbaharui atau menggantikan bahagian yang tidak boleh dipakai atau yang rosak itu kepada keadaan yang asal tanpa elemen penambahbaikan, tambahan dan pengubahan. Ia adalah suatu perbelanjaan yang dilakukan semata-mata untuk meletakkan aset dalam keadaan asal supaya dapat berfungsi dengan baik dan cekap seperti sebelumnya. Dalam erti kata yang lain, pembaikan tidak boleh melibatkan pembangunan atau pembinaan semula keseluruhan suatu aset atau bahagian penting daripada keseluruhan suatu aset. Suatu aset perlu dibaiki apabila kecekapan aset tidak seperti keadaan asal kerana telah digunakan dalam operasi perniagaan.

6.1 Pembaikan bagi mengekalkan aset kepada keadaan asal

Perbelanjaan yang dilakukan bagi mengekalkan suatu aset (yang digunakan dalam menjana suatu punca pendapatan) bagi membolehkan aset itu

digunakan dengan baik dan cekap adalah dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan larasan daripada punca tersebut.

Contoh 1

Syarikat Binajaya memberikan perkhidmatan keretapi yang membawa penumpang menikmati pemandangan dalam bandaraya. Syarikat membuat pembaikan dan penyenggaraan secara berterusan untuk memastikan rel dan landasan berada dalam keadaan baik. Pada tahun 2018, syarikat mendapati rel telah rosak dan merbahaya untuk digunakan. Rel tersebut tidak boleh dibaiki dan menyebabkan syarikat terpaksa menggantikan rel tersebut. Syarikat Binajaya menuntut potongan atas perbelanjaan yang dilakukan untuk menggantikan rel tersebut.

Perbelanjaan menggantikan rel keretapi tersebut adalah perbelanjaan pembaikan dan merupakan potongan yang dibenarkan daripada pendapatan kasar perniagaan. Ini adalah kerana menggantikan rel keretapi tidak mempunyai unsur penambahbaikan tetapi penggantian adalah untuk mengembalikan rel keretapi kepada keadaan yang asal dan membolehkan syarikat terus menjana pendapatan dan bukan bertujuan mewujudkan suatu aset baharu.

Contoh 2

Syarikat Ispahan menjalankan perniagaan yang menyediakan perkhidmatan keretapi dan melakukan perbelanjaan atas pembaikan beberapa landasan keretapi milik syarikat. Dalam membaiki landasan, syarikat telah menggantikan landasan asal yang diperbuat daripada bahan keluli dengan landasan besi bagi menambah berat landasan tersebut.

Perbelanjaan yang dilakukan atas pembaikan landasan bukan sekadar mengembalikan aset kepada keadaan yang asal tetapi telah menyebabkan perubahan yang ketara kepada karakter landasan tersebut. Landasan tidak dibaiki sebaliknya ianya diganti dengan landasan yang diperbuat daripada bahan yang lebih berkualiti. Pembaikan menyebabkan perubahan pada landasan dan merupakan suatu penambahbaikan kepada aset itu. Perbelanjaan pembaikan merupakan perbelanjaan bersifat modal yang tidak boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan.

6.2 Pembaikan permulaan

Apabila suatu aset yang baharu diperolehi dalam keadaan rosak atau telah lama tidak digunakan dan memerlukan pembaikan sebelum digunakan dengan berkesan, perbelanjaan untuk melakukan pembaikan adalah perbelanjaan permulaan. Pembaikan perlu dilakukan untuk meletakkan aset

tersebut dalam keadaan yang boleh digunakan dalam operasi perniagaan. Pemeroleh kebiasaannya memperoleh aset dengan harga yang lebih rendah disebabkan keadaan fizikal aset dan pembaikan perlu dilakukan sebelum aset tersebut boleh digunakan. Perbelanjaan pembaikan yang dilakukan untuk meletakkan aset yang baru diperolehi dalam keadaan komersial yang boleh digunakan adalah dianggap sebagai perbelanjaan permulaan dan tidak boleh dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan larasan.

Kerosakan sesuatu aset yang timbul daripada operasi pendapatan perniagaan yang terdahulu dan perbelanjaan pembaikan bagi kerosakan itu boleh dibenarkan atas pendapatan perniagaan yang terdahulu. Oleh itu, sekiranya terdapat pembaikan terkumpul yang perlu dilakukan ke atas aset sebelum tarikh aset itu digunakan dalam perniagaan terkini, perbelanjaan pembaikan tersebut adalah dianggap sebagai perbelanjaan permulaan dan bersifat modal.

Contoh 3

Syarikat Chester membeli sebuah bangunan untuk digunakan dalam perniagaannya. Bangunan tersebut sudah lama tidak didiami dan syarikat perlu membaiki pulih bangunan dengan melakukan kerja-kerja pembaikan sebelum bangunan itu boleh digunakan dalam perniagaan.

Perbelanjaan pembaikan atas bangunan yang dilakukan oleh Syarikat Chester adalah perbelanjaan permulaan dan tidak dibenarkan sebagai potongan. Perbelanjaan untuk membaiki pulih bangunan dan untuk membolehkan ianya digunakan dalam perniagaan dilakukan sebaik sahaja bangunan diperolehi. Apabila bangunan itu dibeli oleh Syarikat Chester, ia dalam keadaan yang usang kerana tidak dibaiki dan tidak sesuai untuk diduduki atau digunakan dalam perniagaan dan pembaikan atas bangunan itu diperlukan sebelum boleh digunakan dalam perniagaan. Oleh itu, perbelanjaan yang dilakukan adalah merupakan perbelanjaan permulaan yang bersifat modal dan tidak dibenarkan sebagai potongan.

Contoh 4

Permana Sdn. Bhd. memiliki beberapa rangkaian kedai serbaguna dan syarikat memperoleh sebuah lot kedai yang sudah usang untuk memperluaskan rantaianya. Sebaik memperoleh lot kedai tersebut, Permana Sdn. Bhd. melakukan pembaikan ke atas lot kedai itu sebelum ianya boleh digunakan dalam perniagaan. Di samping itu, Permana Sdn. Bhd. juga melakukan pembaikan biasa atas dua daripada kedainya yang sedia ada. Syarikat menuntut perbelanjaan membaiki kesemua lot kedainya sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan.

Pembaikan yang dilakukan atas lot kedai yang baru diperoleh bagi meletakkan kedai tersebut dalam keadaan yang sesuai digunakan dalam perniagaan adalah perbelanjaan permulaan yang tidak boleh dibenarkan sebagai potongan. Lot kedai yang dalam keadaan yang usang, sudah lama tidak digunakan dan memerlukan pembaikan yang ketara sebelum ianya boleh digunakan. Kos pembaikan meliputi pembaikan yang terkumpul sejak dulu lagi. Oleh itu, perbelanjaan yang dilakukan untuk membaiki lot kedai usang yang baru diperoleh adalah perbelanjaan permulaan yang bersifat modal dan tidak boleh dibenarkan sebagai potongan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembaikan yang dilakukan atas dua kedai serbaguna yang sedia ada boleh dibenarkan sebagai potongan sekiranya ianya kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar dan tidak mempunyai unsur penambahbaikan dan pengubahan.

6.3 Penggantian keseluruhan atau sebahagian daripada keseluruhan

6.3.1 Pembaikan melibatkan penggantian bahagian subsidiari daripada keseluruhan aset. Pembaharuan pula adalah penggantian sebahagian besar dari keseluruhan aset. Walau bagaimanapun, sekiranya pembaharuan menyebabkan penggantian keseluruhan aset, perbelanjaan tersebut adalah bersifat modal dan oleh itu tidak dibenarkan sebagai potongan.

Adalah penting membezakan di antara penggantian sebahagian daripada keseluruhan aset dan penggantian keseluruhan aset (*entirety*) dalam membenarkan suatu perbelanjaan pembaikan sebagai potongan. Sekiranya sebuah bangunan adalah keseluruhan (*entirety*) maka pintu, tingkap, dinding dan tangga adalah sebahagian daripada keseluruhan (*entirety*). Kebiasaannya, perbelanjaan yang melibatkan penggantian keseluruhan suatu aset adalah perbelanjaan modal sementara penggantian sebahagian daripada suatu aset yang lebih besar merupakan perbelanjaan hasil.

Contoh 5

Syarikat Hijau memiliki sawah padi di Alor Setar, Kedah. Bagi memastikan lebih air dari kawasan sawah disalurkan ke sungai, syarikat memasang beberapa kunci air untuk mengawal sistem saliran di sawahnya. Setiap kunci air adalah penting untuk memastikan sistem saliran di sawah berfungsi dengan baik secara keseluruhannya. Dalam tahun 2018, salah satu kunci air mengalami kerosakan yang menyebabkan kebocoran dan syarikat telah menggantikan kunci air yang rosak dengan kunci air baharu. Syarikat

Hijau menuntut potongan atas perbelanjaan memasang kunci air baharu bagi menggantikan kunci air lama yang telah rosak.

Sistem saliran merupakan keseluruhan aset manakala kunci air adalah sebahagian daripada sistem saliran tersebut. Pemasangan kunci air yang baharu menggantikan yang lama adalah perlu untuk memastikan sistem saliran di sawah berfungsi dengan baik secara keseluruhan dan bukanlah mewujudkan suatu aset baharu. Kunci air dipasang untuk mengekalkan sistem saliran yang sedia ada dan oleh itu, perbelanjaan memasang kunci air yang baharu adalah dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar. Perbelanjaan memasang kunci air baharu bagi menggantikan kunci air lama adalah satu perbelanjaan pembaikan dan dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan larasan perniagaan.

Contoh 6

Miracle Bhd. menjalankan perniagaan memproses kertas. Sebuah kilang yang dimiliki oleh syarikat terletak di kawasan rendah yang sering dinaiki air ketika musim hujan. Apabila hujan lebat, air sungai bersebelahan akan naik dan meresap masuk ke dalam kilang. Oleh sebab itu, Miracle Bhd. membina tembok yang diperbuat daripada bata untuk menghalang air daripada meresap masuk. Walau bagaimanapun, lama-kelamaan banjir yang sering berlaku telah menyebabkan tembok tersebut terhakis dan mengakibatkan air memasuki kilang. Syarikat telah membuat beberapa percubaan untuk membaiki tembok yang terhakis namun tidak berkesan. Dalam tahun 2018, syarikat menggantikan tembok lama tersebut dengan tembok baharu. Tembok baharu yang dibina adalah lebih lebar daripada tembok lama dan struktur tembok baharu dibuat daripada konkrit dan paip besi.

Pembaharuan yang dilakukan oleh Miracle Bhd. melibatkan satu penambahbaikan yang mewujudkan struktur atau bangunan baharu yang berbeza dengan ketara apabila dibandingkan dengan tembok yang lama. Syarikat bukan membaiki tembok tetapi telah membuat penambahbaikan yang ketara dengan membina tembok yang lebih lebar dan diperbuat daripada konkrit dan paip besi. Tembok baharu bukan sebahagian daripada keseluruhan kilang tetapi ianya adalah keseluruhan aset itu sendiri (tembok). Oleh itu, perbelanjaan pembaikan yang dilakukan oleh Miracle Bhd. adalah bersifat modal dan tidak dibenarkan sebagai potongan.

Contoh 7

Harta Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan dan mempunyai bangunan yang disewakan sebagai kilang. Harta Sdn. Bhd. menerima pendapatan sewa yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP memandangkan syarikat ada menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan secara komprehensif dan aktif. Dalam tahun 2018, syarikat telah membuat pembaikan dengan menggantikan atap bangunan kilang kerana atap lama didapati telah berkarat dan menyebabkan kebocoran yang merosakkan peralatan di dalam kilang. Syarikat menggantikan atap lama dengan atap yang mempunyai ciri-ciri dan kualiti yang sama dengan atap asal.

Pembaikan yang dilakukan oleh Harta Sdn. Bhd. hanya melibatkan penggantian sebahagian daripada struktur bangunan dan tidak melibatkan penambahbaikan yang mengubah struktur asal bangunan tersebut. Bangunan kilang adalah keseluruhan aset (*entirety*) sementara atap bangunan kilang hanyalah sebahagian daripada keseluruhan bangunan dan pembaikan yang dilakukan hanya melibatkan penggantian sebahagian daripada keseluruhan aset. Selain daripada itu, atap baharu yang menggantikan yang lama mempunyai kualiti yang sama dengan yang lama dan tidak melibatkan sebarang penambahbaikan atau pembaharuan. Oleh itu, perbelanjaan yang dilakukan oleh Harta Sdn. Bhd. untuk menggantikan atap bangunan yang merupakan sebahagian daripada keseluruhan bangunan adalah perbelanjaan berbentuk hasil dan boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan sewa di bawah perenggan 4(a) ACP.

Nota:

Sekiranya Harta Sdn. Bhd. tidak menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan secara komprehensif dan aktif dan pendapatan sewa dikenakan cukai di bawah perenggan 4(d) ACP, perbelanjaan yang dilakukan bagi menggantikan atap juga boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan sewa tersebut.

Contoh 8

Coal Star Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat perlombongan arang batu di Perak. Syarikat membina serombong asap di kilangnya untuk menyalur keluar gas dan asap apabila arang batu dibakar. Setelah 8 tahun menggunakannya, serombong asap itu menjadi tidak selamat

untuk digunakan. Untuk menggantikan serombong asap tersebut, Coal Star Sdn. Bhd. telah membina serombong asap yang baharu berhampiran dengan serombong lama. Serombong baharu yang dibina adalah lebih baik dan lebih besar daripada yang lama dan akan mengambil alih kerja serombong asap lama sebaik sahaja serombong asap baharu siap dibina. Coal Star Sdn. Bhd. menuntut kos pembinaan serombong asap baharu sebagai potongan daripada pendapatan kasar.

Serombong lama tidak dibaiki sebaliknya syarikat menggantikan dengan serombong asap yang baharu. Serombong baharu itu dibina berhampiran dengan serombong lama. Semasa pembinaan serombong baharu, serombong asap lama masih digunakan sehingga serombong asap baharu siap dibina dan boleh digunakan. Penggantian yang dilakukan adalah terhadap keseluruhan aset (*entirety*) iaitu serombong itu sendiri dan bukanlah pembaikan atas serombong yang lama. Oleh itu, perbelanjaan menggantikan serombong lama dengan yang baharu tidak boleh dibenarkan sebagai potongan kerana ianya adalah perbelanjaan bersifat modal.

- 6.3.2 Walaupun sesuatu bahagian itu dianggap sebagai sebahagian daripada keseluruhan aset tetapi sekiranya penggantian bahagian tersebut mengakibatkan perubahan kepada keseluruhan aset, perbelanjaan yang dilakukan boleh dianggap sebagai perbelanjaan modal dan tidak boleh dibenarkan sebagai potongan.

Sebagai contoh, sebuah syarikat memiliki sebuah bangunan kilang 3 tingkat telah melakukan pembinaan semula bumbung kilang yang mengalami kerosakan yang teruk. Bumbung baharu yang dibina adalah lebih tinggi dan lebar daripada bumbung asal dan terdapat unsur penambahbaikan dalam pembaikan yang dilakukan. Walaupun bumbung adalah sebahagian daripada keseluruhan aset, tetapi penggantian bumbung baharu yang lebih tinggi dan lebar telah mengubah bentuk asal bangunan kilang iaitu keseluruhan aset. Oleh itu, perbelanjaan adalah perbelanjaan bersifat modal dan tidak boleh dibenarkan sebagai potongan.

6.4 Penggantian atau Penambahbaikan

Menggantikan bahagian suatu aset yang rosak boleh dibenarkan sebagai potongan sekiranya struktur asal aset dikekalkan tanpa sebarang penambahbaikan. Sekiranya pembaikan atau penggantian melibatkan penambahbaikan menyebabkan perubahan kepada aset, perbelanjaan adalah bersifat modal dan tidak boleh dibenarkan sebagai potongan. Apa-

apa perbelanjaan yang dilakukan untuk pembaikan atau penggantian yang melibatkan penambahbaikan sehingga struktur baharu aset tersebut berbeza dengan yang lama adalah dianggap sebagai perbelanjaan modal.

Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana penggantian dan pembaikan boleh menyebabkan perubahan kepada aset tetapi selagi pembaikan tidak mengubah fungsi asal aset dan sekadar mengembalikan cara bagaimana aset itu digunakan dalam perniagaan, perbelanjaan tersebut boleh dibenarkan. Adalah penting untuk membezakan sama ada pembaikan mengembalikan aset kepada struktur dan fungsi asal atau mengakibatkan kewujudan suatu aset baharu.

Contoh 9

Syarikat Macaron menjalankan perniagaan memproses kertas dan salah satu bangunan yang digunakan sebagai kilang telah mengalami kerosakan di mana terdapat kebocoran di bumbung kilang tersebut. Syarikat bukan sahaja membaiki bumbung tersebut, sebaliknya bangunan tersebut dilebarkan dan ditinggikan dan bumbung tersebut digantikan dengan bumbung yang baharu.

Syarikat Macaron telah melakukan perbelanjaan penambahbaikan ke atas bangunan serta bumbung, yang menyebabkan perubahan kepada struktur asal bangunan. Kesemua perbelanjaan melebarkan dan meninggikan bangunan adalah perbelanjaan modal dan tidak dibenarkan sebagai potongan. Begitu juga dengan perbelanjaan menggantikan bumbung lama dengan bumbung yang baharu adalah tidak dibenarkan sebagai potongan kerana perbelanjaan tersebut adalah bersifat modal. Tambahan pula, pembaikan bumbung dan bangunan tidak boleh dipisahkan daripada pembaikan keseluruhannya.

Contoh 10

Noir Berhad memiliki beberapa panggung wayang yang digunakan dalam perniagaannya. Salah satu siling panggung wayang syarikat mengalami kerosakan teruk. Syarikat meminta pandangan seorang arkitek berkenaan kerosakan tersebut dan setelah membuat penilaian terhadap siling yang rosak, arkitek berpandangan pembaikan biasa tidak dapat meletakkan siling dalam keadaan yang asal. Beliau berpandangan pembaikan memerlukan penggantian keseluruhan siling. Noir Berhad melakukan perbelanjaan menggantikan siling lama yang rosak dengan siling baharu yang lebih moden dan berkualiti.

Pembaikan yang dilakukan oleh syarikat melibatkan penggantian keseluruhan siling yang merupakan struktur penting panggung wayang. Penggantian siling bukan sahaja untuk memulihara aset tetapi ia memberikan siling yang mempunyai ciri-ciri yang lebih baik dan berkemungkinan tidak perlu melakukan pembaikan di masa akan datang. Penggantian adalah penambahbaikan kepada aset. Oleh itu, keseluruhan perbelanjaan menggantikan siling lama yang rosak kepada siling baharu adalah perbelanjaan modal dan tidak boleh dibenarkan sebagai potongan.

Contoh 11

Birdnest Sdn. Bhd. menjalankan perniagaannya di sebuah bangunan lama yang dipajak selama 25 tahun. Perjanjian pajakan menyatakan penyewa tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan kecuali untuk tujuan pemuliharaan harta. Dalam tahun 2017, Birdnest Sdn. Bhd. bersetuju dengan pemilik pajakan untuk melakukan kerja-kerja pembaikan yang besar bagi memulihara bangunan itu. Syarikat telah melakukan pembaikan yang melibatkan perubahan terhadap bumbung dan sebahagian daripada bahagian dalaman serta bahagian hadapan bangunan. Bahan pembinaan yang digunakan untuk pembaikan adalah lebih moden dan berkualiti jika dibandingkan dengan bahan pembinaan asal kerana bangunan tersebut adalah bangunan yang sudah lama.

Birdnest Sdn. Bhd. menuntut perbelanjaan pembaikan bangunan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan larasan perniagaannya.

Perbelanjaan pembaikan yang dilakukan oleh Birdnest Sdn. Bhd. untuk memulihara bangunan adalah perbelanjaan berbentuk hasil dan dibenarkan sebagai potongan. Walaupun terdapat perubahan struktur pada bangunan selepas pembaikan dilakukan dengan menggunakan bahan binaan yang berbeza, bangunan tersebut adalah bangunan lama dan teknik pembinaan juga telah berubah jika dibandingkan dengan teknik yang digunakan ketika bangunan tersebut pertama kali dibina. Tujuan syarikat melakukan pembaikan atas bangunan adalah untuk membolehkannya terus mendapat keuntungan daripada perniagaan dan tidak mewujudkan suatu aset baharu. Pembaikan hanya meletakkan bangunan dalam keadaan yang membolehkan syarikat meneruskan penggunaan bangunan tersebut.

6.5 **Perkakas, peralatan atau barangan yang mempunyai jangka hayat kurang dari dua tahun**

Perbelanjaan penggantian, pembaikan dan pembaharuan perkakas, peralatan atau barangan yang digunakan dalam menghasilkan pendapatan adalah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar sebagai asas penggantian. Pada asasnya, penggantian perkakas, peralatan atau

barangan yang mempunyai jangka hayat tidak melebihi dua tahun adalah dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan larasan. Kebiasaannya perbelanjaan yang dibenarkan atas asas penggantian adalah perbelanjaan penggantian item kecil dari segi saiz dan harga. Contoh perkakas, peralatan atau barangan yang boleh dibenarkan potongan atas asas penggantian termasuk pinggan mangkuk, sudu, garfu, pisau dan periuk. Penentuan jangka hayat sesuatu aset adalah berdasarkan kepada fakta bagi setiap kes dan orang yang ingin menuntut potongan cukai untuk aset itu bertanggungjawab terhadap penentuan jangka hayatnya. Layanan cukai ke atas penggantian bagi perkakas, peralatan atau barangan yang mempunyai jangka hayat tidak melebihi dua tahun adalah terpakai kepada semua jenis perniagaan.

Contoh 12

Restoran Cengkih (RC) telah beroperasi sejak tahun 2017. Dalam tahun 2018 RC telah melakukan perbelanjaan sebanyak RM2,000 untuk membeli 200 pinggan sebagai menggantikan pinggan sedia ada yang pecah dan terserpih. RC boleh menuntut perbelanjaan ini sebagai potongan atas asas penggantian daripada pendapatan kasar TT 2018.

Walau bagaimanapun, bagi perbelanjaan yang dibenarkan atas asas penggantian bagi perkakas, peralatan atau barangan yang digunakan dalam menghasilkan pendapatan, perbelanjaan tersebut hanya boleh dibenarkan apabila perbelanjaan dilakukan pada kali kedua. Perbelanjaan yang dilakukan pada kali pertama dianggap perbelanjaan modal dan tidak dibenarkan sebagai potongan. Begitu juga dengan anggaran peruntukan yang disediakan untuk menggantikan peralatan, perkakas atau barangan yang digunakan dalam menghasilkan pendapatan tidak boleh dibenarkan sebagai potongan kerana perbelanjaan belum dilakukan.

7. Ringkasan

Secara umum, perbelanjaan pembaikan dan pembaharuan aset yang bersifat hasil dan modal adalah seperti berikut:

PEMBAIKAN	
Perbelanjaan hasil (dibenarkan potongan)	Perbelanjaan modal (tidak dibenarkan potongan)
Pembaikan yang mengembalikan aset kepada keadaan sedia ada	Pembaikan atau penggantian yang berunsur penambahbaikan, atau pembaharuan kepada aset/ mengubah keadaan asal suatu aset
Pembaikan yang membolehkan perniagaan berterusan	Perbelanjaan permulaan atau pembaikan kepada aset sebaik diperoleh
Penggantian sebahagian daripada keseluruhan suatu aset	Penggantian keseluruhan aset (<i>entirety</i>)
Penggantian perkakas, peralatan atau barangan yang mempunyai jangka hayat tidak melebihi dua (2) tahun	-

8. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**